

1. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Aktiviti riadah seperti berbasikal sangat baik bahawa dapat merehatkan minda dan mencergaskan badan.

(ii) Para pengunjung menasihatkan agar menjaga keselamatan semasa berkelah di kawasan air terjun itu.

2. Baca bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Masa berlalu. Aku akhirnya menamatkan pengajian kedoktoranku dengan jayanya. Malah kajian tentang tapai ubi itu telah menjadi tesis kedoktoranku yang sangat dipandang tinggi oleh pihak universiti. Dapatannya sangat mengagumkan terutama dalam usaha mencegah penyakit kanser yang semakin serius keadaannya di negara ini terutamanya kanser payudara.

Hasil kajianku dibawa ke peringkat antarabangsa untuk diperakukan keberkesannya walaupun pada tahap yang masih awal. Kajian ini akan aku teruskan lagi. Penemuan ini sebenarnya berkat kegigihan emak dan bapa mengusahakan tapai ubi. Bahan kajian utamaku selama ini ialah tapai ubi emak dan bapa. Kini aku menjadi pelanggan tetap tapai ubi Wak Salikon. Pada mulanya bapaku terkejut apabila kunyatakan bahawa aku mahu menempah tapainya. Selama ini dia memang tahu bahawa aku sudah mual dengan tapai ubi.

Dipetik daripada cerpen 'Legasi Tapai Ubi',
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2

Malaysia, saksikanlah kemenangan ini! Laungan 'Malaysia Boleh' makin menggegarkan Stadium Badminton Istora Senayan. Sedang Andri di gelanggang sebelah masih terduduk di lantai kejut, bingung oleh kekalahannya.

Kedengaran lagu Jalur Gemilang dinyanyikan oleh para penyokong Malaysia. Saya bingkas dan terus berlari melompat memeluk Haji Marzuki dan Mas Suparman yang kegirangan di tepi gelanggang. Kami bertiga berdakapan dan saling mengucapkan syukur kepada Allah.

Selesai menyalami Andri Mirnawan dan para pegawai perlawanan, saya berlari-lari anak mendapatkan teman-teman yang turut meluru ke arah saya. Wan Najhan, Nik Shahnizam, Kam Heng, dan Bernard datang menyerbu dan memeluk saya sebelum disertai teman-teman lain daripada skuad kebangsaan. Sehelai Jalur Gemilang pada tangan Wan Najhan lekas dililitkan ke tubuh sebelum saya dijulung.

- (a) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan kejayaan yang diperoleh oleh 'aku' dan 'saya'.

- (b) Berikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam kedua-dua bahan tersebut.

- (c) Bidang sukan memberikan masa depan yang cerah kepada kita.

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk menarik minat murid dalam bidang sukan? **KBAT** Mengaplikasi **HEBAT MODUL 20**

3. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3.

- (i) *Chot* karya Azizi Bin Haji Abdullah
- (ii) *Hempasan Ombak* karya Zailiani Taslim
- (iii) *Justeru Impian di Jaringan* karya Zaid Akhtar
- (iv) *Tawanan Komander Caucasus* karya Ruzaini Yahya

Sudut Sastera

- Watak ialah sesuatu objek atau pelaku, baik manusia mahupun makhluk lain seperti haiwan, tumbuhan dan sebagainya.

Watak utama memainkan peranan yang paling penting dalam menghidupkan jalan cerita sesebuah novel.

Berdasarkan sebuah novel di atas, nyatakan watak utama dan jelaskan **tiga** perwatakan watak utama tersebut berserta dengan contoh peristiwa yang sesuai.

Lihat bahan di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.

Tip Menjawab

- ▶ Teliti dan fahami bahan rangsangan secara keseluruhan agar mendapat gambaran sebenar.
- ▶ Fahami arahan dan maklumat yang diberikan.

Larian Merentas Desa

Tarikh: 30 Mac 2024

Masa: 6:45 pagi

Tempat: Padang Komuniti Taman Wira

Syarat-syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada orang ramai.
2. Kategori ialah individu dan keluarga.
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 15 Mac 2024.
4. Untuk pendaftaran, hubungi: 01126738945 (En. Azman bin Wahid)

- Hadiah untuk pemenang tempat pertama hingga ketiga.
- Semua peserta akan menerima sijil penyertaan.
- Yuran penyertaan RM10.